



Malaysian Medical Council

Safeguarding patients, guiding doctors

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon jawatan sebagai **Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) Gred N19** di Majlis Perubatan Malaysia.

1. (a) **Jawatan** : Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi)
Gred N19
- (b) **Badan Berkanun** : Majlis Perubatan Malaysia
- (c) **Kumpulan Perkhidmatan:** Kumpulan Pelaksana
- (d) **Klasifikasi Perkhidmatan:** Pentadbiran Dan Sokongan (N)
2. **Jadual Gaji Gred N19** : Gaji Minimum : RM1,352.00
Gaji Maksimum : RM4,003.00
Kenaikan Gaji Tahunan: RM100.00
3. **Taraf Jawatan** : Tetap
4. **Kekosongan Jawatan** : Dua (2) jawatan
5. **Syarat Lantikan:** 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00);
atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40);
atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).

**6. Syarat Kelayakan
BAHASA MELAYU**

2.

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**7. Syarat Peningkatan
Secara Lantikan (PSL)**

3.

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) Gred N19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c);
atau

- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) had umur pelantikan:

- (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh

lantikan bagi pegawai yang umur
persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada
tarikh lantikan bagi pegawai yang umur
persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada
tarikh lantikan bagi pegawai yang umur
persaraan paksa 60 tahun.

8. Cara Memohon

- a. Permohonan hendaklah dibuat menggunakan borang permohonan yang boleh dimuat turun di laman web Majlis Perubatan Malaysia di [Borang Permohonan](#).
- b. Setiap permohonan yang dihantar perlu disertakan salinan hardcopy borang dan sijil-sijil berkaitan dan di dikemukakan alamat **Majlis Perubatan Malaysia, Blok B, Aras Bawah, Jalan Cenderasari, 50590 Kuala Lumpur**.
- c. Setiap borang permohonan jawatan mestilah disertakan sekeping gambar berukuran passport, salinan sijil-sijil dan dokumen yang telah disahkan seperti berikut:
 - i. Kad Pengenalan dan Surat Beranak
 - ii. Diploma/Ijazah beserta Transkrip Surat Akuan pengiktirafan Ijazah/Diploma/sijil daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau JPA
 - iii. Surat berhenti sekolah
 - iv. Sijil-sijil seperti PMR, SPM, STPM dan
 - v. Sijil-sijil lain yang berkaitan
- d. Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing dan hendaklah disertakan dengan salinan Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) tiga (3) tahun yang terkini.

9. Tarikh Tutup Permohonan

- a. Semua permohonan hendaklah diterima oleh Majlis Perubatan Malaysia selewat-lewatnya pada **14 November 2021 (Ahad)**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.
- b. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan. Hanya permohonan yang layak selepas tapisan dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup permohonan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

10. Alamat Penghantaran

- a) Permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

**Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Perubatan Malaysia,
Blok B, Aras Bawah,
50590, Kuala Lumpur**

11. Hanya pemohon yang layak dan melepasi asas tapisan sahaja akan dipanggil temu duga bagi jawatan ini.
12. Majlis Perubatan Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas semua perbelanjaan calon-calon yang akan menghadiri sesi temu duga yang berkaitan.
13. Hanya calon yang **BERJAYA** sahaja dalam sesi temu duga yang akan dimaklumkan.